

## PENGAJIAN AL-QUR'ĀN: ANALISA TERHADAP ILMU FĀSILAH DAN PROSPEK PERKEMBANGANNYA

(The Studies of Quran: An Analysis towards Ulum Fāsilah and Its  
Development Potential)

Mohd Hisyam Abdul Rahim

M. Y. Zulkifli Haji Mohd Yusoff

### ABSTRACT

*Fāsilah is one of the branches in the Quranic Sciences field. It focused on the final words in Quranic verse either the pronunciation aspect or the meaning aspect or both aspects together. Unlike the Tafsir, Tarannum and I'jaz, Fāsilah had given less attention in debate by the researchers today. Therefore, this study seeks to re-debate the Fāsilah in line with current prospect and at the same time propose new joint development with other knowledge in Quranic Sciences field. The library research and content analysis using descriptive and inductive methods were implemented in this study to achieve the goal and the objectives. Fāsilah has the potential to grow and expand in line with other knowledge of Quranic Sciences if the multidisciplinary studies are implemented based on the strong principal of the knowledge.*

**Keywords:** Quranic Sciences, Fāsilah, multidiscipline.

## ABSTRAK

*Fāsilah merupakan salah satu cabang daripada ilmu-ilmu Pengajian al-Qur'an yang pelbagai. Fokus perbincangannya menjurus kepada perkataan-perkataan akhir di setiap ayat al-Qur'an sama ada menyentuh dari aspek fungsi, lafaz dan juga maknanya. Tidak seperti ilmu Tafsir, ilmu Tarannum dan ilmu I'jāz yang sering dibahaskan oleh para pengkaji dewasa ini, ilmu Fāsilah kian kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Justeru itu, kajian ini berusaha mengetengahkan kembali perbahasan berkaitan ilmu Fāsilah dan pada masa yang sama mencadangkan prospek perkembangannya bersama ilmu-ilmu lain dalam bidang Pengajian al-Qur'an. Ia merupakan kajian perpustakaan yang mengaplikasikan metod analisis kandungan secara diskriptif dan induktif bagi mencapai matlamatnya. Berdasarkan asas-asas kukuh ilmu Fāsilah ini, ia berpotensi untuk berkembang pada masa hadapan seiring dengan ilmu-ilmu Pengajian al-Qur'an yang lain sekiranya kajian yang dijalankan berbentuk multidisiplin dan tidak terhad dalam sesuatu bidang tertentu sahaja.*

**Kata kunci:** Pengajian al-Qur'an, Fāsilah, multidisiplin.

## Pengenalan Kepada Pengajian al-Qur'an dan ilmu Fāsilah

Menurut al-Qattān (1998), Pengajian al-Qur'an ataupun dengan bahasa Arabnya dikenali sebagai '*Ulūm al-Qur'ān*' merupakan suatu disiplin kajian dan perbahasan yang berkaitan dengan al-Qur'an, sebahagian topik-topiknya adalah seperti kajian mengenai *Asbāb al-Nuzūl*, *Tartīb al-Nuzūl* dan *Khasāis Makkiyyah wa Madaniyyah*. Nama lain baginya pula ialah *Usūl al-Tafsīr* –asas tafsir- kerana ia mengandungi perbahasan yang semestinya diketahui oleh setiap pentafsir yang ingin membuat huraian dan penjelasan maksud ayat-ayat al-Qur'an. Tambahnya lagi, ilmu ini tidak dibukukan semasa zaman Rasulullah s.a.w. dan zaman para sahabatnya kerana tidak timbul keperluan untuk itu disebabkan faktor-faktor berikut: Pertama, zaman tersebut merupakan zaman al-Qur'an yang masih belum dicemari oleh sebarang kekaburuan yang boleh mengganggu mereka mendapatkan maklumat mengenainya. Kedua, mereka adalah pakar dalam bidang pemahaman al-Qur'an kerana mereka hidup dalam zaman al-Qur'an diturunkan dan Rasulullah s.a.w. bersama mereka serta baginda sendiri memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang diperlukan.

Selepas beberapa masa beredar, empayar Islam semakin luas dan gerakan penulisan kajian ilmiah mula dikenali, para ulama' Islam memberikan perhatian terhadap disiplin ilmu ini di atas kesedaran betapa ilmu ini amat perlu ditulis dan dibukukan bagi membantu proses penjelasan maklumat yang perlu berkaitan al-Qur'an selaras dengan perkembangan wilayah Islam dan penduduknya.

Zulkifli (1996) menyimpulkan bahawa perkembangan bidang Pengajian al-Qur'an ini dapat dibahagikan kepada dua jenis bahagian penulisan yang amat penting iaitu pertama, penulisan Pengajian al-Qur'an berdasarkan isu-isu ataupun tajuk-tajuk pilihan. Kedua, penulisan secara lengkap merangkumi pelbagai topik yang berkaitan Pengajian al-Qur'an dalam sesebuah karya.

### **Penulisan Pengajian al-Qur'an berdasarkan topik-topik pilihan**

Menurut al-Kumi dan al-Qasim (1974), bermula pada kurun ke-2 Hijrah bersama-sama penulisan tafsir al-Qur'an, Pengajian al-Qur'an diulas bersama-sama perbahasan tafsir sesuatu ayat dalam sesuatu surah. Pada waktu tersebut hanya topik-topik tertentu dan berkaitan sahaja diketengah serta dijelaskan. Antara topik-topik awal yang disentuh ialah perbahasan mengenai konsep *Nāsikh wa Mansūkh* dan *Muhkam wa Mutashabih*. Namun begitu, pada waktu ini ia hanya tertumpu kepada beberapa topik terpilih sahaja yang dirasakan perlu untuk penjelasan lanjut dan tidaklah dapat disifatkan sebagai suatu penulisan yang lengkap kerana tidak mencakupi semua perbahasan dalam bidang Pengajian al-Qur'an.

### **Penulisan Lengkap Pengajian al-Qur'an**

Abū al-Farj Ibn al-Jawzi (m.597H) merupakan ilmuan pertama yang telah menulis bidang Pengajian al-Qur'an ini secara lengkap menerusi dua karya beliau yang berjudul *Funūn al-Afnān fi 'Ulūm al-Qur'ān* dan juga *al-Mujtabā fi 'Ulūm Tata'allaq bi al-Qur'ān* pada kurun ke-6 Hijrah. Manakala al-Sakhawi (m.643H) menerusi karya beliau *Jamāl al-Qurra'* dan diikuti oleh Abū Syamah (m.665H) menerusi karyanya *al-Murshid al-Wājiz fi 'Ulūm Tata'allaq bi al-Qur'ān al-'Aziz* pada kurun ke-7 Hijrah. Ia diikuti pada abad ke-8 Hijrah oleh al-Zarkasyi (m.794H) dengan karyanya yang terkenal *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Pada kurun ke-9 Hijrah pula, al-Bulqini (m.824H) meneruskan penulisan dalam bidang ini dengan kitab beliau *Mawqī' al-'Ulūm min Mawāqi'* *al-Nūjūm* dan diikuti kemudiannya pada abad ke-10 Hijriah oleh al-Suyūti (m.911H) yang menghasilkan karya berjudul *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān*.

Demikianlah silsilah penulisan dalam bidang ini sepanjang 5 abad yang awal –iaitu dari kurun ke-6 hingga 10 Hijrah- manakala selepas kurun ke-

10, penulisan dalam bidang ini telah terhenti buat seketika sehingga al-Syaeikh Wali Allah al-Dihliwi (m.1176H) menyambungnya semula pada abad ke-12 Hijrah menerusi kitabnya *al-Fawz al-Kabir fi Usūl al-Tafsīr*. Setelah itu, penulisan yang berkaitan dengannya telah diusahakan oleh para ilmuan Islam diteruskan kurun demi kurun sehingga sampai ke abad ini (Zulkifli, 1996, h. 61).

Penentuan secara mutlak bermulanya ilmu Fāsilah ini dibahaskan bersama-sama ilmu Pengajian al-Qur'an adalah sukar untuk ditetapkan. Ini kerana, pertumbuhan perbahasan ilmu pada fasa awal adalah berkait rapat antara satu sama lain sebelum ianya berdiri menjadi suatu disiplin ilmu yang terpisah. Namun begitu, boleh dikatakan pada peringkat awal perbahasan ilmu Fāsilah ini dalam bidang Pengajian al-Qur'an dibincangkan menerusi topik-topik terpilih seawal kurun ke-4 Hijrah di bawah topik *I'jāz al-Qur'ān* oleh al-Rummānī (m.384H) dalam kitab beliau *al-Nukat fi I'jāz al-Qur'ān*. Beliau telah mendefinisikan Fāsilah sebagai merujuk kepada huruf-huruf sama yang terletak di bahagian hujung (*al-maqāti'*) dan dengannya sesuatu makna dapat difahami dengan baik (Farghali, 1998; al-Rummānī, t.t.). Selain itu, menurut sumber lain, Fāsilah ini telahpun dibahaskan seawal kurun ke-2 Hijrah dalam bidang bahasa Arab oleh Khalil bin Ahmad al-Farāhīdi (m.170H). Beliau merupakan tokoh pertama dalam kalangan ilmuan bangsa Arab yang mengemukakan perkataan Fāsilah sewaktu menjelaskan erti perkataan *saja-'a* dalam kitabnya *al-'Ain*. Jelas al-Farāhīdi (t.t.) lagi dengan kata-katanya; “*Bersajak lelaki itu jika ia bercakap dengan fawāsil (rima dan huruf yang sama di setiap penghujung kata-katanya) seumpama qawāfi dalam syair*”.

## **Permasalahan dan Objektif Kajian**

Umat Islam dituntut bukan sahaja untuk membaca al-Qur'an, malah turut juga digesa untuk bertadabbur akan ayat-ayatnya. Ini selaras dengan firman Allah s.w.t dalam Surah Sad, ayat dua puluh sembilan (29) yang bermaksud:

*“Ini adalah sebuah Kitab yang kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka bertadabbur akan ayat-ayatNya dan supaya mendapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai fikiran.”*

Bertadabbur yang dimaksudkan disini ialah memerhati, memikir, mempelajari, meneladani dan menghayati firman-firman Allah s.w.t. Perintah untuk bertadabbur ini mencakupi segala berkaitan al-Qur'an baik pada susunan bahasanya mahupun maksud kandungannya, petunjuk-

petunjuknya mahupun mukjizatnya, Shihab (2002). Namun demikian, didapati pentadburan ayat-ayat al-Qur'an menerusi fāsilah-fāsilahnya sering tersekat hanya dalam bentuknya yang dahulu sebagaimana perbahasan yang diketengahkan oleh al-Zarkasyi (t.t.) iaitu keserasian fasilah dengan isi kandungan ayat yang sama sahaja. Sedangkan pada masa kini jika diamati dengan mendalam potensi perbahasannya adalah lebih meluas lagi. Justeru, pentadburan ke atas fāsilah-fāsilah perlu dibuat dengan lebih mendalam lagi bagi membongkar rahsia dan mengungkap keindahan-keindahan al-Qur'an. Ini kerana, pemilihan sesebuah kalimah untuk ditempatkan dipenghujung ayat sebagai fasilah bukanlah sesuatu yang sia-sia. Maka itu, penjelasan ke atas fasilah berdasarkan konteks sesebuah ayat ataupun dalam sesebuah kelompok ayat menerusi sistem susunannya (*tarkib*) adalah perlu untuk mengetengahkan keindahan seni al-Qur'an ini dan dapat membantu pembaca merasai ruh *balāghah* al-Qur'an sekaligus mencapai tujuan penurunan al-Qur'an sebagai kitab hidayah.

### **Metodologi Kajian**

Penyelidikan ini adalah salah satu daripada bentuk kajian kualitatif iaitu kajian perpustakaan (*arm chair research*) yang melibatkan pengumpulan data dan maklumat daripada sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan bidang kajian. Bahan-bahan rujukan penting dalam kajian ini tertumpu kepada buku-buku dan artikel-artikel yang menjelaskan ilmu Fasilah dan juga ilmu Munasabat dalam konteks bidang Pengajian al-Qur'an mahupun *Balaghah*. Kaedah analisis kandungan telah dipraktikkan dalam mengkaji maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan. (Ahmad Sunawari Long, 2005, h. 28) Ia melibatkan tiga metod berikut:

a. Metod Persejarahan

Metod ini digunakan bagi mengenalpasti masalah dan menyusun sumber maklumat bagi membuat sesuatu kesimpulan daripada perkembangan yang berlaku. (Ahmad Sunawari Long, 2005, h.21) Dalam kajian ini, sejarah dan perkembangan ilmu Pengajian al-Qur'an, ilmu Fāsilah dan Munasabat diselidiki bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenainya dan memahami isu-isu yang timbul disekelilingnya bagi melihat prospek perkembangan yang borpotensi diterokai pada masa hadapan.

b. Metod Induktif

Rohana Yusof (2003) menjelaskan Metod Induktif ini sebagai proses yang dimulai dengan data-data kasar dan kemudiannya dihubungkaitkan, dikategorikan dan dibina konsep abstrak yang

seterusnya membentuk gagasan teori. Ia menyusun maklumat untuk ditafsirkan. Proses penafsiran ini bermula dengan menganalisis maklumat bersifat umum dan berakhir dengan maklumat khusus dan mendalam. Kajian ini, memerhati dan mengenalpasti potensi untuk mengembangkan dengan lebih jauh lagi ilmu Fāsilah bersama ilmu Munasabat secara khusus.

### c. Metod Deduktif

Kaedah diskriptif ini diimplmentasikan adalah bertujuan menjelas dan mentafsir terhadap persoalan ‘apakah dia?’ (Ahmad Sunawari Long, 2005, h. 22) Ia merupakan proses pembuktian dengan berlandaskan kepada hujah-hujah mahupun bukti-bukti umum terhadap perkara-perkara yang khusus. Justeru, kajian ini berusaha bagi membuktikan hubungan keserasian yang dapat dikembangkan menerusi gandingan ilmu Fāsilah bersama ilmu Munasabat.

## Dapatkan dan Perbincangan

### Pendefinisan Fasilah

Fāsilah dari aspek **bahasa** mempunyai beberapa maksud yang disifatkan sebagai umum, luas dan pelbagai bergantung kepada konteks ayat dan sandaran yang diberikan kepadanya. Fāsilah adalah perkataan yang berasal daripada akar kata (فـصـلـ) ‘fasl’ dalam bahasa Arab dan kata jamaknya pula disebut *fawāsil*. Makna-makna untuknya dijelaskan seperti berikut:

- i. Fāsilah membawa maksud sebagai ‘jarak’, ‘pendinding’, ‘sempadan’ atau ‘pembeza’ jika digunakan dalam konteks antara dua objek, bahagian atau perkara.
- ii. Fāsilah bererti bahagian ‘sendi’ bagi tulang jika dinisbahkan kepada anggota badan haiwan ataupun manusia.
- iii. Bagi konteks penghakiman pula, ia bermakna ‘menghukum’ bagi menentukan antara kebenaran dan kebatilan (Ibn Manzur, t.t, Huruf Lam Fasal Fa, j.11, h.561).

Maksud yang ingin diketengahkan dari konteks bahasa dalam perbahasan ini ialah sebagai pembeza, pemutus, pendinding dan penyekat serta pemisah di antara sesuatu.

Fāsilah menurut al-Qur'an membawa kepada beberapa maksud yang tertentu. Pengkaji lafadz-lafadz al-Qur'an membahagikan fasilah kepada

tiga pengertian menurut penggunaannya seperti berikut (al-Jawzi, 1984, h.461):

### 1. Keputusan

Surah al-Dukhān (44): ayat 40,

إِنَّ يَوْمَ الْفَصْلِ مِيقَاتُهُمْ أَجْمَعِينَ

*Maksudnya:*

“Sesungguhnya hari Keputusan (*hari kiamat*) itu adalah waktu yang dijanjikan bagi mereka semuanya.”

Surah al-Nabā’ (78): ayat 17,

إِنَّ يَوْمَ الْفَصْلِ كَانَ مِيقَاتًا

*Maksudnya:*

“Sesungguhnya hari Keputusan adalah suatu waktu yang ditetapkan.”

### 2. Mencerai susu/Menyapih

Surah al-Baqarah (2): ayat 233,

... فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاءُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا

*Maksudnya:*

“Apabila keduanya ingin menyapih (sebelum dua tahun) dengan kerelaan keduanya dan permusuwaratan, maka tidak ada dosa atas keduanya...”

Surah al-Ahqāf (46): ayat 15,

وَحَمْلُهُ وَفَصَالُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

*Maksudnya:*

“Dan mengandungnya sampai menyapihnya adalah tiga puluh bulan...”

### 3. Keluar

Surah al-Baqarah (2): ayat 249,

فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِالْجُنُودِ

*Maksudnya:*

“*Maka tatkala Thalut keluar membawa tenteranya...*”

Surah Yūsuf (12): ayat 94,

وَلَمَّا فَصَلَتِ الْعِشْرُ

*Maksudnya:*

“*Tatkala kafilah itu telah ke luar (dari negeri Mesir) ...*”

Meskipun penggunaan al-Qur'an terbahagi kepada tiga pengertian seperti yang telah dinyatakan, namun ketiga-tiga maksud tersebut masih terikat kepada satu makna dasar iaitu pisah. Keputusan bererti memisahkan antara perkara yang pelbagai untuk memilihnya, menyapih susu, bermaksud memisahkan bayi ataupun kanak-kanak daripada terus lagi menyusu, manakala keluar pula merujuk kepada berpisah ia dari kalangan sesuatu ataupun kelompok tertentu. Selain itu, al-Rāghib al-Asfahānī (m.502H) turut menggambarkan maksud ‘fasl’ (ف-ص-ل) sebagai, menjelaskan sesuatu sehingga nyata jurang dalam perkara-perkara yang ingin dibezakan (al-Asfahānī, 2009, h. 287).

### Fāsilah menurut istilah

Terdapat beberapa pengertian yang telah diberikan oleh ulama'-ulama' Pengajian al-Qur'an, antaranya ialah al-Rummānī (m.384H), al-Bāqillānī (m.403H), al-Dhānī (m.444H), Ibn Manzūr (m.711H) dan al-Zarkasyī (m.794H). Namun dalam perbahasan ini, hanya tiga sahaja penakrifan yang akan dibincangkan bagi menggambarkan kepentingan dalam proses perkembangannya.

Pertama, takrif yang dikemukakan oleh al-Rummānī iaitu fāsilah adalah merujuk kepada huruf-huruf sama yang terletak di bahagian hujung (*al-maqāti'*) dan dengannya sesuatu makna dapat difahami dengan baik. Pentakrifan beliau ini adalah sewaktu fasa awal perbahasan ilmu Fāsilah dalam bidang Pengajian al-Qur'an yang dibincangkan menerusi topik-topik terpilih seawal kurun ke-4 Hijrah. Ia ditempatkan di bawah topik *I'jāz al-Qur'ān* oleh al-Rummānī dalam kitab beliau *al-Nukat fī I'jāz al-Qur'ān*. (Farghali, 1998, h.152; al-Rummānī, t.t.)

Kedua, definisi fāsilah yang diberikan oleh al-Dānī yang menyatakan bahawa fāsilah ialah kalimah akhir -penghabisan/hujung- dalam jumlah iaitu rangkaian perkatan-perkataan yang membawa sesuatu maksud (al-Zarkasyī, t.t., j.1, h.53). Pengertian fasilah menurut al-Dhānī ini adalah

berbeza dengan pengertian yang difahami oleh ulama'-ulama' yang lain seperti al-Rummāni, al-Bāqillāni, Ibn Manzūr dan juga al-Zarkasyi. Perbezaan ini berpunca daripada perbezaan cara pengklasifikasian perkataan akhir dalam sesebuah ayat. Beliau memperincikan istilah fāsilah dengan mendatangkan istilah kepala ayat (رَأْسٌ آيَةً) yang khusus hanya untuk perkataan akhir dalam ayat pertama pada setiap surah. Jelas beliau, setiap kepala ayat adalah fasilah dan tidak semua fāsilah itu kepala ayat. Menurut pembahagian al-Dhāni, perkataan akhir dalam ayat pertama pada setiap surah diklasifikasikan sebagai kepala ayat dan dalam masa yang sama dikira juga sebagai fāsilah. Contohnya Surah al-Kawthar (108): ayat 1-3,

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ \* فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَآخِرَ \* إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَجْتَمُرُ \*

Perkataan (الْكَوْثَر) dikira sebagai kepala ayat dan juga fasilah, manakala (وَآخِرَ) dan (وَالْأَجْتَمُرُ) dikira sebagai fasilah sahaja. Menerusi kiraan al-Dhāni surah ini mempunyai satu kepala ayat dan tiga fāsilah namun begitu disisi ulama'-ulama' Pengajian Qur'an yang lain ia hanya dikira mempunyai tiga fāsilah sahaja manakala pengiraan kepala ayat adalah diabaikan. Ketiganya, penakrifan yang diberikan oleh al-Zarkasyi (t.t., j.1, h.53) iaitu fāsilah ialah kalimah akhir (penghabisan/hujung) pada ayat (al-Qur'an), seumpama *qāfiyah* dalam syair dan *qarīnah* bagi *al-saj'*. Pendapat beliau ini diketengahkan disini adalah kerana perkara-perkara berikut:

1. Terdapat kesinambungan dan pertalian -kecuali al-Dhāni- dalam penakrifan yang diberikan oleh al-Rummāni, al-Bāqillāni, Ibn Manzūr dan al-Zarkasyi sewaktu menjelaskan maksud fasilah dalam al-Qur'an meskipun jarak antara al-Rummāni dan al-Zarkasyi adalah sebanyak empat kurun. Ini menggambarkan kekuatan silsilah keilmuan yang telah berlaku.
2. al-Zarkasyi telah manfaatkan penjelasan al-Bāqillāni (1994, h.190) dalam bukunya '*Ijāz al-Qur'an*' bab bertajuk 'Menafikan *al-Saj'* dalam al-Qur'an' bagi menambah penerangan mengenai fāsilah. Jelas beliau, fasilah merupakan tempat istirehat pada setiap ayat al-Qur'an memberikan peluang kepada pembacanya untuk mengamati makna yang terkandung dalam setiap susunan ayat dan dengan ini menjadikan makna sesuatu ayat itu jelas, indah dan mudah dihayati. Inilah kaedah penjelasan yang diimplementasi oleh al-Qur'an dan

berbeza dengan sekelian percakapan yang lainnya, ia membezakan setiap ayat al-Qur'an dan tidak dinamakan ianya sebagai *saj'*.

Selain daripada pengkaji-pengkaji silam, usaha menjelaskan pengertian fasilah turut juga dilakukan oleh pengkaji kontemporari namun secara amnya tidak terdapat perbezaan ketara dan signifikan. Contohnya ialah Muhammad al-Hasnāwi (1978, h.26) yang telah mendefinisikan fasilah sebagai kalimah akhir ayat seperti *qāfiyah* dalam syair dan *saj'* dalam prosa. Ia merujuk kepada persamaan pada huruf-huruf penghabisan perkataan tersebut atau persamaan dalam konteks pola (*al-wazn*) yang menyempurnakan makna dan merehatkan jiwa.

## Propek Masa Hadapan

Bagi menjadikan kajian berkaitan Fāsilah ini bersifat semasa dan berkembang, ia perlu dilaksanakan secara multidisiplin bersama satu lagi cabang ilmu yang berada dalam bidang Pengajian al-Qur'an iaitu ilmu Munāsabat. Munāsabat adalah perkataan bahasa Arab yang berasaskan akar kata (ب - س - ن) merujuk kepada maksud kedekatan, kemiripan, keserasian, kesesuaian dan juga kesepadan. Oleh kerana itu, ungkapan “فلان نسيب فلان” membawa erti si fulan itu sepadan dengan si fulan dan in merujuk kepada pertalian yang terjalin antara kedua-duanya (al-Asfahani, 2009, h.371).

al-Biqā'i (m.885H) mentakrifkan Munāsabat sebagai; ilmu yang dengannya diketahui sebab-sebab penyusunan bahagian-bahagian (ayat-ayat al-Qur'an dan surah-surahnya dalam susunan mushaf) dan ia adalah merupakan rahsia *balaghah* -ilmu retorik bahasa- (al-Biqā'i, 1984, j.1, h.3). Selain itu, secara istilahnya ia dapat difahami sebagai suatu disiplin pengajian yang mencari perhubungan dan keserasian antara satu ayat al-Qur'an dengan ayat yang lain, antara satu topik al-Qur'an dengan topik yang lain dan antara satu surah dengan surah yang lain berdasarkan kepada ayat-ayat dan surah-surah dalam Mushaf Uthmaniyy (Zulkifli, 1993, h.216).

Terdapat pelbagai keistimewaan yang terdapat dalam mushaf tersebut antaranya ialah kemampuannya untuk menyatukan pelbagai jenis bacaan daripada ilmu *Qiraāt* dalam satu bentuk sistem tulisan yang mantap dan unik (Dutton, 2012, bil. 23, h.3). Selain itu, sistem penyusunan ayat-ayat dan surah-surah al-Qur'an seperti yang terdapat dalam Mushaf Uthmaniyy pada hari ini dapat dijelaskan rahsia dan hikmah-hikmahnya menerusi

ilmu *Munāsabat*. Natijahnya, tanggapan musuh Islam terhadap Kalam Allah yang kononnya terpotong-potong, berpindah dari satu kaedah ayat kepada yang lain dan dari satu topik kepada topik yang lain menyebabkan al-Qur'an itu sukar difahami dapat disanggah serta menerusinya juga, tergambarlah al-Qur'an itu sebagai sebuah kitab yang mempunyai rangkaian utuh dan padu (Zulkifli, 1993, h.217).

Terdapat tujuh bentuk munasabat yang dikemukakan oleh para ulama' yang menekuni keserasian hubungan antara bahagian-bahagian al-Qur'an. Bentuk-bentuknya adalah seperti berikut:

- a. Keserasian kata demi kata dalam satu surah.
- b. Keserasian kandungan ayat dengan penutup ayat (*fāsilah*).
- c. Keserasian hubungan ayat dengan ayat berikutnya.
- d. Keserasian uraian awal (*muqaddimah*) sesuatu surah dengan penutupnya.
- e. Keserasian penutup surah dengan huraian awal (*muqaddimah*) surah sesudahnya.
- f. Keserasian tema surah dengan nama surah (Shihab, 2002, j.2, h.527).
- g. Keserasian antara surah-surah dalam penyusunan *Mushaf 'Uthmaniyy* (Abd. Rahman, 1991, h.3).

Menurut Israr Ahmad Khan (2002), hanya terdapat dua buah karya tafsir sahaja yang mengimplementasikan munāsabat secara keseluruhan jenis-jenisnya, pertamanya ialah Tafsir Abu al-Hassan Ibrahim bin 'Umar al-Biqā'i dengan judul tafsirnya *Nazm al-Durar fi Tanāsub al-Ayāt wa al-Suwar* dan yang keduanya ialah *Tadabburī Qur'an* oleh Amin Ahsan Islahi (m.1997M) dalam bahasa Urdhu.

Sekiranya dikhususkan kepada *fāsilah*, perbahasananya dalam ilmu Munāsabat seringkali terhad hanya dalam hubungannya dengan kandungan ayat yang sama semata-mata. Bentuk hubungan yang dimaksudkan itu ialah keserasian *fāsilah* dengan isi kandungan ayat yang sama sahaja (al-Suyūthī, t.t., h.54). Jika diperhalusi struktur keserasian yang dikemukakan untuk bahagian ini, ianya mengimplementasikan jenis penjelasan pertautan secara linear (*explanation of linear connectivity*) dan penyandaran secara rasional antara ayat (*logical dependency between the verses*) sahaja. Manakala analisis kesepadan struktur tidak dilakukan (El-Awa, 2006, h.24). Natijahnya ia diketengahkan sebagai satu bentuk hubungan sahaja. Hubungan yang terhad ini memberikan gambaran sempit kepada ilmu Fāsilah untuk menemukan keserasian dalam ayat-ayat al-Qur'an. Kesalahfahaman terhadap *fāsilah* dalam al-Qur'an menggambarkan seolah-olah ianya tidak signifikan dalam perbahasan

ilmu Munāsabat. Oleh itu, gambaran tersebut perlu diperbetul dan diperjelaskan.

Pernyataan tersebut disokong dengan ulasan kajian lepas yang telah dibuat, antaranya ialah artikel nukilan Bisri Mustofa (2009) yang bertajuk “*Munāsabāt al-Qur’ān: Sebuah Kontroversi dalam Ekstensi dan Fungsi*”, sebuah buku yang berjudul “*al-Tartīb al-Tawqifi wa silatuh bi al-Wahdah al-Mawdu’iyyah wa ‘ilm al-Munāsabah*” karya Dr. Abdul Rahman Obeid Hussein (2008), dan disertasi sarjana yang bertajuk “*Munāsabah al-Qur’ān: Kajian Penggunaan Kata Dasar al-‘Aql pada Pengakhiran Ayat al-Qur’ān*” nukilan Afifah Abu Bakar (2004). Kesemua penulisan-penulisan tersebut didapati tidak menyelidiki potensi perkembangan hubungan fasilah dengan ilmu Munāsabat secara mendalam yang meliputi keseluruhan fungsi-fungsinya. Justeru itu, kajian ini berusaha mengisi ruang tersebut dengan menjawab persoalan berikut iaitu, bagaimakah fasilah berfungsi sebagai elemen keserasian dalam menemukan munāsabat dalam al-Qur’ān sehingga nyata unsur *I’jaz* dalam penyusunan kalimat-kalimat al-Qur’ān?

### **Asas Keserasian Fāsilah dengan Munāsabat**

Fāsilah merupakan sebahagian daripada sesebuah ayat al-Qur’ān. Penentuan ayat-ayat al-Qur’ān merupakan sesuatu yang *tawqifi* daripada Allah s.w.t tanpa melibatkan campurtangan manusia, maka dapat difahami dalam konteks ini Fasilah dalam al-Qur’ān adalah *tawqifi*. Manakala ilmu Munāsabat pula adalah sebuah ilmu yang berprinsipkan susunan ayat-ayat mahupun surah-surah dalam al-Qur’ān adalah *tawqifi* (al-Zarkasyi, t.t., j.1, h.38). Justeru itu, rahsia dan hikmah sistem penyusunan ayat-ayat dan surah-surah al-Qur’ān seperti yang terdapat dalam Mushaf Uthmaniyy pada hari ini dapat dijelaskan. Berdasarkan persamaan prinsip *tawqifi* yang didokong oleh kedua-dua cabang ilmu Pengajian al-Qur’ān ini maka wajarlah kedua-dua ilmu ini digabungkan untuk diteroka peluang perkembangannya bersama-sama.

Kedua-dua ilmu ini dapat dihubungkan bersama menerusi *qarinah-qarinah* yang dikenalpasti sebagai asas keserasian. *Qarinah* bermaksud keterangan, berasal daripada kata dasar bahasa Arab *qa – ra – na* (ق – ر – ن –) manakala lafaz jamaknya adalah *qarain* (قرائين). Ia merujuk kepada pengertian sesuatu yang menghubungkan antara perkara/entiti ataupun beberapa perkara/entiti (Reinhart, 2000, j.13, h.336)

Seorang ahli bahasa Arab yang terkenal iaitu Yahya bin Ziyad atau lebih dikenali dengan gelaran al-Farra’ (m.207H) pernah menjelaskan bahawa

sebahagian ayat-ayat al-Qur'an itu merupakan penerang ataupun penjelas kepada sebahagian ayat-ayat yang lain dengan tanpa ada pertentangan antaranya. Berhujahkan fakta tersebut beliau berpendapat bahawa asal kalimah al-Qur'an itu diambil daripada perkataan *qarain* iaitu kata jamak *qarinah* – dengan tidak mempunyai huruf hamzah – yang membawa maksud keterangan-keterangan (al-Suyūti, t.t., j.1, h.112).

*Qarinah* merupakan asas –yang dikenalpasti menerusi analisis ayat-ayat al-Qur'an- untuk membuktikan wujudnya hubungkait dan keserasian antara dua disiplin ilmu Pengajian al-Qur'an iaitu ilmu Fāsilah dan Munāsabat yang mengikut kebiasaannya dibahagikan kepada dua topik berasingan. Contoh *qarinah* yang menghubungkan ilmu Fāsilah dengan ilmu Munāsabat adalah sebuah kisah berkaitan ayat 38 daripada surah al-Māidah bersandarkan kepada nukilan Abu Hayyan (m.745H) dalam Tafsirnya *al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir* (t.t., j.3, h.484) sebagai berikut:

Seorang Arab Badwi yang fasih bahasanya telah mendengar seorang Qari membaca ayat al-Qur'an;

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوهُ أَيْدِيهِمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبُوا نَكَلًا مِنْ اللَّهِ

Namun diakhiri ayat al-Qur'an tersebut dengan;

وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

Bacaan Qari tersebut telah ditegur oleh Arab Badwi itu dan lantas beliau menyemak kembali bacaannya tadi. Teguran itu telah menyebabkan beliau tersedar akan kesilapan yang telah berlaku dan beliau mengakhiri bacaannya tadi dengan

وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Surah al-Māidah (5):38

Setelah mendengar bacaan Qari itu, lantas Arab Badwi tersebut membenarkannya kerana Allah s.w.t bersifat *Azīz* (Maha Perkasa) dan *Hakīm* (Maha Bijaksana) apabila mensyariatkan hukuman hudud ke atas pencuri dan sesuailah dengan isi ayat tersebut pada fāsilahnya bukannya lafadz *Ghafir* (Maha Pengampun) dan *Rahīm* (Maha Penyayang). *Qarinah* untuk ayat tersebut adalah berkaitan konteks keserasian di antara penutup ayat dengan isi ayatnya dan berfungsi sebagai memperkuat pernyataan yang terkandung dalam isi ayat itu sewaktu di akhirnya.

*Qarinah-qarinah* dikenalpasti menerusi fāsilah dalam konteks hubungkait berikut: Keserasian kandungan ayat dengan fāsilah, keserasian antara fāsilah-fāsilah yang sama dalam satu surah dan juga keserasian antara fāsilah-fāsilah yang hampir sama dalam satu surah. Secara dasarnya *qarinah-qarinah* yang dikenalpasti dalam konteks yang telah disebutkan dapat dikelaskan kepada dua

bahagian mengikut ciri-ciri dan sifat-sifat yang khusus. Pertama, *Qarinah Lafziyyah* digunakan bagi merujuk kepada bentuk hubungan keserasian antara ayat-ayat yang ciri dan sifatnya adalah jelas dan nyata, tidak memerlukan penelitian makna yang mendalam bagi mengenalpasti kaitan yang wujud. Manakala kedua, *Qarinah Ma'naviyah* adalah merujuk kepada bentuk hubungan keserasian yang bersifat tersirat ataupun tersembunyi serta memerlukan pengamatan dan penelitian bagi mengenalpasti kaitan yang wujud antara ayat-ayat.

Justeru, untuk menggambarkan *qarianh-qarinah* tersebut secara jelas maka, sebuah surah telah dipilih iaitu Surah al-Qiyāmah untuk diketengahkan. Dapatkan kajian mengenainya dalam surah tersebut adalah seperti berikut:

### 1. *Qarinah Lafziyyah*

#### a. Keserasian kandungan ayat dengan fasilah.

- Contoh seperti yang terdapat dalam Surah al-Qiyāmah ialah;
- (*al-Tasdīr*)- Fasilah diterbitkan daripada perkataan yang terdapat dalam susunan ayat.

فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَأَتَيْتُهُ قُرْءَانَهُ

Surah al-Qiyāmah (75):18

*al-Tasdīr* ialah menjadikan sesuatu kalimah itu (yang berasal dari akar kata yang sama ataupun perkataan yang sama) berulang, dan fasilah dibina menggunakan (Basiyuni, 1998, h.312).

- (*al-Tawsyih*)- Makna yang terkandung dalam fasilah telah diisyaratkan sebelumnya oleh ayat.

بَعْلَ مِنْهُ الْزَوْجَيْنِ الْذَّكَرُ وَالْأُنْثَى

Surah al-Qiyāmah (75):39

Kalimah (الْزَوْجَيْنِ) yang bermaksud sepasang memberi gambaran perkataan pada akhirnya (الْذَّكَرُ وَالْأُنْثَى). Sesungguhnya Allah s.w.t menjadikan manusia itu sepasang iaitu dari jenis lelaki dan wanita.

#### b. Keserasian antara fasilah-fasilah yang sama dalam satu surah.

Pengulangan iaitu (*al-Tikrar*)

أَوْلَى لَكَ فَأَوْلَى \* شَمَّ أَوْلَى لَكَ فَأَوْلَى

Surah al-Qiyāmah (75):34-35

Bagi ayat 34-35, terkandung dalamnya pengulangan iaitu (*al-Tikrar*). Pengulangan ini membawa maksud penegasan bersanggatan kepada ancaman yang menakutkan. Ianya lebih kuat daripada *al-Ta'kīd* kerana ianya membawa maksud *al-Ta'sīs* (al-Zamakhshari, t.t., j.4, h.627).

**c. Keserasian antara fāsilah- fāsilah yang hampir sama dalam satu surah.**

Nyata daripada surah ini ayat-ayatnya yang pendek, ringkas (*ijāz*) dan pemilihan frasa-frasa dan huruf-huruf tertentu dalam pengakhiran ayat adalah tepat bagi menjelaskan maksud yang ingin disampaikan berdasarkan tema-tema yang wujud (Subhi al-Salih, 1988, h.194). Selain itu, penggunaan gaya bahasa yang pelbagai menguatkan lagi ikatan di antara ayat-ayat al-Qur'an dan memberi kesan yang mendalam kepada pembacanya. Perincinya adalah seperti berikut;

**i. *Jinās***

*Jinās* adalah pengungkapan dua lafaz yang serupa atau mirip namun membawa makna berbeza ataupun dengan lain perkataan, suatu kalimah yang (sama atau mirip) digunakan pada tempat yang berbeza dengan maksud yang berbeza (al-Jārim dan Mustafā Amīn, 1977, h.260). Contoh;

وَالْتَّفَتَتِ الْسَّاقُ بِالسَّاقِ \* إِلَى رَبِّكَ يَوْمِئِنِ الْمَسَاقِ

Surah al-Qiyāmah (75):29-30

Dua perkataan yang bergaris di atas adalah bermiripan, dikenali sebagai *jinās nāqis* kerana terdapat perbezaan pada bilangan huruf di antara kedua-duanya. Keserasian antara keduanya adalah ketara kerana bersatu dalam topik yang sama.

**2. *Qarinah Maknawiyyah***

**a. Keserasian antara fāsilah-fāsilah yang hampir sama dalam satu surah**

**i. *Thibāq* dan *Muqābalah***

*Thibāq* bermaksud berimpunnya dua perkataan dalam suatu ayat yang setiap kata tersebut saling berlawanan dari segi maknanya (Basiyuni, 1998, h.144), contoh;

يُنَتَّأُ الْإِنْسَنُ يَوْمَئِذٍ بِمَا قَدَّمَ وَأَخْرَى

Surah al-Qiyāmah (75):13 dan

فَلَا صَدَقَ وَلَا صَلَّى \* وَلِكُنْ كَذَبَ وَتَوَلَّى

Surah al-Qiyāmah (75):31 & 32

Manakala *Muqābalah* menurut Basiyuni (1998, h.148) pula bermaksud, mengemukakan dua makna yang sesuai atau lebih kemudian mengemukakan perbandingan dengan tersusun, contoh;

وُجُوهٌ يَوْمِئِنُ نَاضِرَةٌ \* إِلَى رِءَاهَا نَاظِرَةٌ \* وَوُجُوهٌ يَوْمِئِنُ بَاسِرَةٌ \* تَظُنُّ أَنْ يُفْعَلُ هَا فَاقِرَةٌ

Surah al-Qiyāmah (75):22-25

Justeru apakah hubungan dan faedah daripada kedua-duanya? Kita dapatilah bahawa *Thibāq* dan *Muqābalah* adalah daripada jenis *muhāsināt ma'naviyah* yang terdapat dalam ilmu *Badi'*. Maka maksud ayat menjadi jelas dan jauh lebih halus dengan mendatangkan perkataan yang berlawanan bagi kefaham pembaca dan ianya menjadi saling menerang antara kalimah-kalimahnya dengan menunjukkan perbezaan yang ketara.

## ii. Keserasian Keseluruhan Bunyi Fāsilah

Didapati bahawa fasilah adalah unsur asas daripada unsur-unsur pergambaran topik-topik yang dibicarakan oleh al-Qur'an. Ketara diperlihatkan, setiap kali al-Qur'an berbicara berkenaan suatu topik, ia diiringi dengan fāsilah-fāsilah yang mirip ataupun serupa. Kemiripan fāsilah ini memberi isyarat kepada pembaca ianya masih dalam fokus perbahasan yang sama. Manakala sekiranya bicara itu telah berpindah kepada topik-topik yang lain maka disertai juga dengan fāsilah yang turut berubah dalam binaan hurufnya (al-Sayyid Khudhor, 2005). Perincian dan analisisnya adalah seperti berikut:

- Penggunaan huruf ( مَهْ ) atau ( مِهْ ) dalam fāsilah ayat 1 hingga 6 surah ini.
- Diakhiri dengan huruf ( ) untuk fāsilah ayat 7 hingga 13.
- Diakhiri dengan huruf ( ةَهْ ) atau ( —هْ ) untuk fāsilah ayat 14 hingga ke-19.

- Diakhiri dengan huruf (—هـ ) di atas *wazan* (فاعلة) untuk fāsilah dalam ayat 20 hingga ayat 25.
- Diakhiri dengan huruf ( ق ) untuk fāsilah ayat ke-26 hingga ayat ke-30.
- Diakhiri dengan huruf *alif maqsūrah* (ى) untuk fāsilah ayat ke 31 hingga ke 40  
Kelompok-kelompok ayat di atas dapat dikelaskan kepada empat bahagian yang utama berdasarkan penggunaan huruf dan bunyi. Penerangannya adalah seperti berikut:
  - Ayat-ayat yang fāsilahnya di akhiri dengan huruf ataupun bunyi (هـ)

Lafaz fāsilah seperti perkataan (الْعَاجِلَةُ) (الْقِيَمَةُ) (مَعَذِيرَةٌ) dan (هـ)

membawa penghayatan tertentu. Ini kerana huruf (هـ) dalam ilmu *Nahw* digunakan bersama kata tunjuk -*Ism al-Isyarah-* bagi mengisyaratkan sesuatu yang tertentu sama ada ianya berbentuk zahir ataupun maknawi seperti (هـنا) (هـنالك) (هـنـا) dan (هـنـالـك). al-Hashimi (1354H) menjelaskan bahawa huruf (هـ) tersebut berfungsi sebagai tanda peringatan dan perhatian (التنبيه). Tambah ‘Isa Muttaqi Zadeh dan Sajid ‘Isma‘iliy (2012) lagi, hikmah disusunkan perkataan-perkataan yang mengandungi huruf dan bunyi (هـ) diakhirnya merupakan sebagai cara agar pembaca ayat tersebut memberikan peringatan dan perhatian terhadap mesej yang dibawa dan dibicarakan oleh ayat-ayat tersebut serta mengajak pembacanya berfikir sewaktu menjelajuri ayat-ayat tersebut. Peringatan yang menegaskan kebenaran akan perlakunya peristiwa kiamat dan juga membawa pembacanya berfikir tentang hal keadaan manusia di hari kiamat kelak serta saranan kepada Nabi s.a.w agar tidak tergesa-gesa untuk menghafaz wahu sewaktu menerima. Ia juga berfungsi sebagai mengajak pembaca berfikir tentang keadaan golongan-golongan yang gembira dan celaka sewaktu mengadap Allah s.w.t. kelak seperti yang dibentangkan dalam ayat yang ke-20 hingga ayat ke-25 daripada surah ini.

- Ayat-ayat yang fāsilahnya di akhiri dengan huruf (ر)

Lafaz fasilah seperti (الْقَمَر), (الْأَسْتَقَرْ) dan (وَأَخْرَ) membangkitkan bunyi kasar dan berat kerana huruf (ر) merupakan salah satu daripada huruf *jahr* (الجَهْر). *Jahr* menurut bahasa ialah nyaring, manakala menurut istilah *Tajwid* pula ialah keadaan yang semasa menyebut hurufnya nafas tertahan disebabkan tekanan kuat pada makhrajnya dan huruf-hurufnya sebanyak sembilan belas terhimpun dalam rangkaikata: **عَظِيمٌ وَزَنٌ قَارِئٌ ذَيٌ**

غُضْ جَدْ طَلْب (Abdul Qadir Leong, 2009, h.18). Menerusi bunyi huruf ini tergambar perasaan gentar dan takut dalam jiwa manusia akan kedahsyatan sewaktu menghadapi kiamat. Gerhana bulan berlaku, matahari dan bulan dihimpunkan bersama, manusia terkepung, tidak dapat lari daripada keadaan tersebut dan tiada tempat berlindung. Pada saat itu manusia sedar bahawa semuanya dalam genggaman Allah s.w.t. semata-mata.

- Ayat-ayat yang fasilihnya diakhiri dengan huruf (ق)

Begitu juga rasa yang dibangkitkan menerusi lafaz-lafaz yang diakhiri dengan huruf (ق) dalam ayat ke-26 hingga ke-30, sebagai contoh lafaz (رَاقِ) (الْفِرَاقِ) dan (بَالْسَّاقِ). Sifatnya yang *jahr* dan *syiddah* menjelaskan rasa berat yang tidak tertanggung sewaktu menghadapi saat kematian (*sakarat al-mawt*) dan rasa getir manusia sewaktu situasi genting dan mencemaskan itu tatkala berpisahnya roh dari badan. *Syiddah* menurut bahasa ialah kuat. Istilah ilmu *Tajwid*nya pula dikenali dengan keadaan semasa menyebut hurufnya, suara tertahan disebabkan tekanan yang kuat pada makhrajnya. Hurufnya lapan dan terhimpun dalam rangkaikata: **أَحَدٌ بَكْتَ** (Abdul Qadir Leong, 2009, h.19).

- Ayat-ayat yang fasilihnya diakhiri dengan huruf *alif maqsūrah* (ى)

*Alif maqsūrah* (ى) ini dikelaskan sebagai salah satu daripada huruf-huruf *mad* yang memanjangkan bunyi sesuatu huruf sebelumnya sebagai contoh perkataan (فَأَوْلَى) (سُدَّى) dan (الْمَوْتَى). Fungsi *alif maqsūrah* dalam ayat ke-31 hingga ke-40 ini adalah sebagai tanda ancaman (*al-Tahdid*) dan janji pembalasan buruk (*al-Wa'id*). Ancaman ditujukan kepada setiap yang ingkar akan kebenaran hari kiamat dan derhaka kepada Allah

s.w.t. serta turut disertai dengan pembalasan buruk seperti yang telah dijanjikan ('Isa Muttaqi Zadeh dan Sajid 'Isma'iliy, 2012). Mereka tidak akan terlepas lagi kerana Allah s.w.t. berkuasa untuk membangkitkan manusia yang telah mati.

Penggunaan huruf-huruf tertentu ketika membentangkan sub-sub topik perbincangan surah ini membangkitkan rasa takut dan gementar berhadapan dengan kehebatan kekuasaan Ilahi (Zulkifli, 1996, h.25). Penandaan sesuatu topik yang dibicarkan oleh aya-ayaat al-Qur'an dengan huruf-huruf pengakhiran yang tertentu memberi peringatan kepada para pembacanya berkenaan isi-isi surah yang ingin disampaikan. Pemindahan dari subtopik kepada subtopik yang lain akan mudah dikenalpasti menerusinya dan ini menggalakkan para pembaca bertadabbur dan selanjutnya meningkatkan penghayatan sewaktu pembacaan dilaksanakan. Inilah kemukjizatan al-Qur'an yang menunjukkan bahawa setiap lafadz yang terdapat dalamnya adalah tidak datang dengan sia-sia.

Ianya diklasifikasikan di bawah *qarinah maknawiyyah* kerana pengamatan diperlukan sewaktu menjelajuri dan merentasi satu-persatu ayat dalam sesuatu surah dengan menganalisis aspek isi kandungan dan gaya pembentangan. Setelah itu, intipati maklumat yang diperolehi hasil perincian dan penelitian tersebut diklasifikasikan mengikut sub-sub topik yang ada serta kemudiannya diikat keseluruhannya -topik-topik tersebut- dengan paksi yang tertentu. Perbuatan ini menggambarkan pertautan dalaman bagi sesebuah surah yang padu.

Pembahagian ini –menerusi *qarinah lafziyyah* dan *qarinah maknawiyyah*– adalah berprinsipkan *al-Tawjih dūna al-Tarjih* bersandarkan sifat-sifat ataupun ciri-ciri yang nyata dalam bentuk-bentuk hubungan yang wujud antara ayat-ayat al-Qur'an dari aspek hubungkait dari aspek Fasihah dan Munāsabat. Penzahiran sebahagian ciri-ciri khusus yang terdapat dalam sesetengah ayat-ayat al-Qur'an tidak bermaksud melemahkan sebahagian ayat-ayat yang lain pula. Ini disebabkan kita beriman dan berpegang bahawa al-Qur'an adalah kitab Allah yang tiada kelemahan. Setiap ayat al-Qur'an dan lafadz-lafaz susunannya mempunyai ciri-ciri keistimewaananya yang unik dan tersendiri. Kekuatan maknanya tidak dipertikaikan dan pemilihan perkataannya adalah tepat dan padat serta tidak datang dengan sia-sia. Kalimahnya dipilih khusus untuk menampung makna yang ingin disampaikan Allah s.w.t. dan tidak hanya semata-mata untuk tujuan menghasilkan rima bunyi harmoni di setiap penghujung ayat-ayat sahaja (al-Jurjani, 1991, j.1, h.6).

## Kesimpulan

Menerusi kajian yang telah dibentangkan mendapati ilmu Fāsilah dalam bidang Pengajian al-Qur'an adalah berpotensi untuk berkembang seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu lain dalam bidang tersebut. Perkembangan tersebut akan melibatkan rekabentuk yang disifatkan sebagai multidisiplin dan tidak terhad dalam ruang lingkupnya yang tersendiri sahaja. Justeru, pergabungan antara disiplin yang mempunyai keserasian adalah amat perlu bagi mengelakkan ianya jumud dimakan waktu. Kajian ini memaparkan keserasian Fāsilah dengan ilmu Munāsabah bukan terhad dalam satu bentuk sahaja namun ia juga wujud dalam keserasian antara fāsilah-fāsilah yang sama dalam satu surah dan juga keserasian antara fāsilah-fāsilah yang hampir sama dalam ayat berlainan dalam satu surah. Selain itu, kajian ini turut juga menemui asas yang menghubungkan kedua-dua ilmu tersebut adalah menerusi *qarinah-qarinah* yang dikenalpasti dalam setiap susunan ayat-ayat al-Qur'an.

## Bahan Rujukan

- Abdul Qadir Leong (2009), *Tajwid al-Qur'an Rasm 'Uthmani*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Abdul Rahman Obeid Hussein (2008), *al-Tartīb al-Tawfiqi wa silatuh bi al-Wehdah al-Mawdu'iyyah wa 'ilm al-Munāsabah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abu Abd Rahman al-Khalil bin Ahmad bin Amru bin Tamim al-Farahidi (t.t), *Kitāb al-'Ain*, T.T.P.: Dar wa Maktabah Hilal.
- Abu Hayyan, Muhammad bin Yusuf (t.t), *al-Bahr al-Muhit*, al-Riyadh: Maktabah wa Matabi' al-Nasr al-Hadithah.
- Afifah Abu Bakar (2004), "Munāsabah al-Qur'an: Kajian Penggunaan Kata Dasar al-'Aql pada Pengakhiran Ayat al-Qur'an" (Disertasi Sarjana al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Ahmad Sunawari Long (2005), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Malaysia.
- al-Jārim, Ali dan Mustafā Amīn (1977), *al-Balaghah al-Wādhihah lilmadāris al-Thanawiyah*, T.T.P.
- al-Bāqillānī, Abu Bakr Muhammad bin al-Ṭayyib (1994), *Ijāz al-Qur'ān*, Tahqiq Abu Bakr Abd al-Razzāq, Fajjālāh: Maktabah Misr.
- al-Biqai, Ibrahim bin Umar (1984), *Nazm al-Durar fi Tanāsub al-Ayāt wa al-Suwar*, India: Mathbaah Majlis Daerah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah.
- al-Farahidi, Abu Abd Rahman al-Khalil bin Ahmad bin Amru bin Tamim (t.t), *Kitāb al-'Ain*, T.T.P.: Dar wa Maktabah Hilal.
- al-Hasnāwi, Muhammad (1978), *al-Fāsilah fi al-Qur'ān*, Halb Sūriah: Dār Aṣīl

- al-Hashimi, Ahmad (1354H), *al-Qawa'id al-Asasiyyah lil 'Arabiyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- al-Jawzi, Jamāl al-Dīn Abū al-Faraj 'Abd al-Rahmān bin 'Ali bin Muhammad (1984), *Nuzhah al- 'A'yān al-Nawāzir fi 'Ilm al-Wujūh wa al-Nazār*, Tahqiq Muhammād 'Abd Karīm Kāzim al-Rādhi , Beirut: Muassasah al-Rasālah.
- al-Jurjani, 'Abd al-Qahir bin 'Abd Rahman bin Muhammad (1991), *Asrar al-Balaghah*, ed. Mahmūd Muhammad Syakir, Kaherah: Mathba'ah al-Madani
- al-Kumi, Ahmad al-Sayyid dan al-Qasim, Muhammad Ahmad Yusuff (1974), *'Ulūm al-Qur'ān*, Kaherah: Matbaah Isa al-Babi al-Halabi
- al-Qattān, Mannā' Khalil (1998), *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut: Muassasah al-Risālah
- al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husain bin Muhammad. Tahqiq Yusuf al-Sheikh Muhammad al-Biqai (2009), *Mu'jam Mufrodāt al-Alfāz al-Qur'ān*, Beirut: Dar al-Fikr,
- al-Shāfi'i, Muhammad Ali Farghalī (1998), *Alwān al-Bādī fi Dhaw'i al-Tobā'i' al-Fanniyah wa al-Khasāis al-Wazīfiyyah*, Tanta: Matba'ah al-Shurūq al-Rāhibīn
- al-Sayyid Khudhor (2005, Februari), “al-Fawasil al-Qur'āniyyah- Dirāsah Balaghiyah”, al-Silsilah al-Dhababiyah fi al-Maqālāt al-Qur'āniyyah, <http://www.tafsir.org>
- al-Suyuti, al-Imam Jalal al-Din Abd al-Rahman. (t.t.), *Tanāsuq al-Durar fi Tanāsub al-Suwar*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- ..... (t.t.), *al-Itqan fi 'Ulūm al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zahabi, Muhammad Husain. (1976), *al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Kaherah: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- al-Zamakhshari, Muhammad bin Umar. (t.t.), *al-Kasyaf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūni al-Aqāwīl fi Wujūh al-Ta'wīl*, Mesir: Maktabah Misr.
- al-Zarkasyi, al-Imam Badr al-Deen Muhammad bin Abdullah bin Bahadar. Tahqiq Muhammad Abu Fadl Ibrahim (t.t.), *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Kaherah: Dar alTurath.
- al-Zerekly, Khayr al-Dīn bin Mahmūd bin Muhammad al-Dimashqī, (2002), *al-'Alām*, c.15. T.T.P.: Dār al-'Ilm Lilmalāyīn,
- Basiyuni Abd al-Fattah Fayyud (1998), '*Ilm al-Badi': Dirasah Tārikhiyah wa Fanniyah li Usūl al-Balaghah wa Masā'il al-Badi'*, Kaherah: Muassasah al-Mukhtar linnashr wa al-Tawzī'.
- Bisri Mustofa (2009), “Munāsabat al-Qur'ān: Sebuah Kontroversi dalam Ekstensi dan Fungsi”, *Jurnal Lantera*, Vol. 8, No. 14, Ogos 2009.
- Dutton, Yasin (2012), “Orality, Literacy and the ‘Seven Ahruf’ Hadith” *Journal of Islamic Studies Oxford*, 23 (1): 1-49, doi:10.1093/jis/etr 092.

- El-Awa, Salwa M. S. (2006), *Textual Relations in the Qur'an: Relevance, Coherence dan Structure*, New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Fadl Hassan 'Abbas, (2007), *al-Mufassirūn, Madārisuhum wa Manāhijuhum*, Jordan: Dār al-Nafāis.
- Fakhr al-Razi, Muhammad bin Umar (t.t.), *al-Tafsīr al-Kabīr*, Beirut: Dar Ehyā' al-Turath al-Arabi.
- Ibn al-Imad, Abu al-Falah Abd al-Hayyi (1988), *Syazarat al-Zahab fi Akhbar man Zahab*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram (t.t.), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dar Sādir.
- 'Isa Muttaqi Zadeh dan Sajid 'Isma'il (2012), *Ijaz al-Aswat fi al-Qur'an: Sūrah al-Qiyamah wa al-Nazi'at Namūdhajan*, 'Proceeding of The 2<sup>nd</sup> Annual International Quranic Conference 2012, University Malaya: Center of Quranic Research
- Israr Ahmad Khan, "Coherence in the Qur'an: Principle and Application," *Intellectual Discourse*, Vol 10, No 1, (2002)
- Khalidi, Salah Abd al-Fattah, (1994), *Sayyid Qutb: Min al-Milad ila'l-Istishhad*, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Mohd Asri Yusoff (1994), *Syah Waliyullah (R.A) Mujaddid Ulung untuk Abad-Abad Kemudian*, Kuala Lumpur: Badan Perkhidmatan Penerangan Islam.
- Reinhart Peter Ann Dozy (2000), *Takmilah al-Ma'ajim al-'Arabiyyah*, Terj. Muhammad Salim al-Na'imiy dan Jamal al-Khayyat, Iraq: Wizarah al-Thaqafah wa al-'Alam
- Rohana Yusof (2003), *Penyelidikan Sains Sosial*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Sayyid Qutb (1972), *Fi Zilāl al-Qur'ān*, Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Shehzad Saleem (2011, Mei), A Brief Biographical Sketch of Islahi, <http://renaissance.com.pk/jafeliwo98.html>
- Shihab, Muhammad Quraish (2002), *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*, Jakarta: Lantera Hati.
- Sohirin Mohammad Solihin, (2012), *Sayyid Qutb Fi Zilal al-Qur'an : A Study of Selected Themes*, Gombak: IIUM Press.
- Subhi al-Salih (1988), *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut: Dar al-Ilm lilmalāyīn.
- Zulkifli Mohd Yusoff (1993), "Munasabat: Satu Bahagian daripada Pengajian al-Quran", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 1, 1993.
- 
- \_\_\_\_\_ (1996), *Kunci Mengenal al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Berita Publishing